

# Bumiputera diseru perluaskan perniagaan

um - 8/7/2005

**K**UALA LUMPUR 5 Julai — Usahawan bumiputera perlu berusaha memperluaskan bidang perniagaan mereka sehingga ke tahap berupaya membeli perniagaan asing di negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, mengembangkan perniagaan semata-mata masih belum mencukupi dan tidak mencapai matlamat seperti digambarkan dalam gagasan Dasar ekonomi Baru

(DEB).

“Matlamat DEB bukan sahaja memperluaskan peranan bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan.

“Kita mahu usahawan bumiputera mencapai satu tahap berupaya membeli perusahaan milik orang asing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian jual beli Franklin Mint Porcelain Manufacturing (FMPM) di antara Royal Mint of Malaysia

(RMM) dengan syarikat induk FMPM, The Franklin Mint, USA.

FMPM yang beroperasi di kawasan perindustrian Kulim, Kedah, dikenali sebagai sebuah kilang pengeluar pelbagai barangan hiasan dan produk kenang-kenangan eksklusif bertaraf dunia.

Sejak beroperasi 1982, FMPM yang memiliki lebih 3,000 pekerja telah diktiraf sebagai kilang barangan tembikar berteknologi tinggi terbesar di dunia.

Pada majlis itu RMM diwakili oleh Pengarah Urusannya, Datuk Megat Mohamed Abdul Wahab, manakala Franklin Mint, USA diwakili oleh Pengarah Urusannya, Yap Wing Chun.

Dr. Mahathir berkata, kejayaan usahawan bumiputera seperti ini perlu disokong oleh semua pihak termasuk bank.

Katanya, kegagalan bank menyalurkan pinjaman akan membantutkan usaha itu.

“Tetapi hendak salahkan bank pun tidak

boleh sebab usahawan bumiputera jika diberikan pinjaman sukar untuk membayar balik.

“Oleh itu berhutanglah setakat kita mampu bayar supaya nama kita, usahawan bumiputera tidak tercemar,” katanya.

Beliau turut memuji langkah Royal Mint membeli FMPM yang disifatkannya mempunyai banyak teknologi serta teknik perindustrian yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan industri tempatan.